

**Gereja Methodist Malaysia**  
**Lembaga Penggembalaan Persidangan Tahunan Cina Sarawak**

**Borang Penilaian Paderi**

**SULIT**

Pengisi Borang: Semua Paderi  
Sila kirim borang penilaian kepada pengerusi Lembaga Penggembalaan SCAC  
melalui pos pada akhir bulan Jun ke alamat  
P.O.Box 155, 96007 Sibu, Sarawak, dan emel scacbom@gmail.com

Nama Pengisi Borang (BC / BI): \_\_\_\_\_

Gereja Setempat dan Daerah Penggembalaan yang Anda Layani pada Tahun ini:

\_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Alamat Emel: \_\_\_\_\_ H/P: \_\_\_\_\_

**Doa Perjanjian John Wesley**

Saya bukan milik saya lagi, tetapi milik-Mu.  
Pimpinlah saya ke tempat yang anda mahu saya pergi,  
dan aturlah saya, gunalah saya dan asahlah saya menurut kehendak-Mu.  
Biarlah saya digunakan oleh-Mu untuk melaksanakan kerja tertentu,  
dan semasa Engkau memilih orang lain, saya juga sanggup berdiri di sebelah. Biarlah  
saya ditinggikan kerana-Mu dan juga boleh merendahkan diri kerana-Mu. Penuhilah saya,  
kosongkanlah saya. Biarlah saya mempunyai segala-galanya atau menjadikan saya tidak  
memiliki apa-apa.  
Saya menyerahkan segala-galanya dengan sepenuh hati, untuk digunakan oleh-Mu, dan hanya  
memohon agar Engkau berkenan kepada saya dan persembahkan itu.  
Allah yang Maha Mulia dan sumber segala berkat,  
Allah Bapa, Allah Anak dan Roh Kudus,  
Engkau ialah TUHAN saya dan saya milik-Mu.  
Semoga perjanjian yang dilakukan di bumi disahkan di syurga. Amin.

**John Wesley's Covenant Prayer**

I am no longer my own, but yours.  
Put me to what you will, rank me with whom you will; put  
me to doing, put me to suffering;  
let me be employed for you, or laid aside for you, exalted for you, or brought low for  
you;  
let me be full, let me be empty, let me have all things, let me have nothing: I freely  
and wholeheartedly yield all things to your pleasure and disposal.  
And now, glorious and blessed God,  
Father, Son and Holy Spirit,  
you are mine and I am yours. So be it.  
And the covenant now made on earth, let it be ratified in heaven. Amen.

## **( I ) Paderi dan Era**

Rancangan Pendidikan Malaysia (2013 - 2025) akan mencapai penamatannya pada tahun 2025. Pada masa ini, kerajaan menggalakkan orang ramai dan pelbagai kumpulan untuk memberi cadangan yang membina, dan memberi pembalasan di laman web rasmi. Apakah pendapat anda mengenai masa depan pendidikan negara? Apa cadangan membina yang anda ingin berikan?

## **( II ) Paderi dan Persidangan Agung serta Persidangan Tahunan**

Dalam beberapa tahun ini, jumlah orang yang mendedikasikan diri dari SCAC mengalami penurunan yang ketara, membawa cabaran besar kepada masa depan gereja. Apakah pendapat anda mengenai perkara ini? Apa tindakan proaktif yang anda akan ambil untuk menangani trend ini? Pada pendapat anda, mungkinkah sasaran 'Satu daerah mendedikasikan seorang calon setiap tahun' boleh direalisasikan? Bagaimana kita boleh melatih dan melengkapinya calon-calon ini secara lebih efektif?

## **( III ) Tubuh, Jiwa, Rohani dan Masyarakat Seorang Paderi**

3.1 Tubuh kita ialah tempat kediaman [Roh Kudus (AVB) / Roh Allah (BM)] (1 Korintus 6:19). Bagaimanakah anda menjaga kesihatan anda? Sila terangkan dan menilai amalan pemakanan, berat badan, aktiviti senaman, kualiti tidur, amalan kebersihan diri, penyakit tubuh badan dan rawatan untuk penyakit anda.

3.2 Alkitab menegaskan bahawa [‘jagalah hatimu lebih daripada segalanya’ (AVB) / ‘berhati- hatilah tentang apa yang kamu fikirkan’ (BM) (Amsal 4:23)], dan juga menyuruh kita ‘bersukacitalah sentiasa’ (AVB) / ‘hendaklah kamu sentiasa bersukacita’ (BM) (1 Tesalonika 5:16)].

- a. Pada tahun ini, apakah emosi negatif, emosi terlampau gembira, kemurungan, atau ketakutan yang tidak rasional dan dosa dirimu yang lama yang masih terjat dalam hatianda? Apakah punca yang menyebabkan anda mempunyai emosi, perasaan atau jeratan dosa tersebut?

- b. Bagaimanakah anda menangani emosi dan dirimu yang lama / cara hidup yang lama, supaya anda menjadi lebih bersukacita dan suci, serta menuju ke arah kesempurnaan seorang penganut agama Kristian? Adakah anda pernah mengalami penghiburan dan pembaharuan, penyembuhan dan pembebasan daripada Allah?

3.3 Rasul Paulus memberkati penganut seiman supaya mereka [‘dipenuhi pengetahuan tentang kehendak-Nya dalam segala kebijaksanaan dan pengertian rohani.’ (AVB) / diberikan kebijaksanaan dan pengertian daripada Roh Allah, sehingga boleh mengetahui kehendak Allah dengan sempurna.’ (BM) (Kolose 1:9)].

- a. Sila menilai pelayanan atau amalan kerohanian anda, termasuklah rancangan bacaan Alkitab dan bahan renungan rohani, renungan atau meditasi (“contemplation christian”), kandungan dan lingkungan doa harian anda, buku-buku berkaitan yang telah anda bacakan, kursus dan latihan berkaitan yang telah anda sertai, puasa dan persembahanwang.

- b. Bagaimanakah anda mengatur dan memanfaatkan hari Sabat?

3.4 Tubuh Yesus Kristus ialah satu komuniti yang menjadi pengikut secara bersama-sama dalam kasih Tuhan yang amat besar (Yohanes 13:12-17, 34-35; 1 Korintus 12:12 - 13:8; 2 Petrus 1:3-11; 1 Yohanes 4:7-21). Hamba Tuhan, John Wesley menekankan bahawa kesucian penganut agama Kristian dapat disempurnakan dengan adanya kearaban yang mendalam dalam komuniti, berwaspada dan menjadi penjaga (iaitu: “The gospel of Christ knows of no religion but social; no holiness but social holiness”).

- a. Ahli keluarga ialah individu pertama yang menerima latihan pemuridan kita. Sila kongsi hubungan anda dengan ahli keluarga anda. Bagaimanakah anda melaksanakan mezbah keluarga di rumah anda?

- b. Tuhan Yesus menyuruh para pengikut-Nya untuk saling membasuh kaki dan saling mengasihi. Sila terangkan cara anda melaksanakan perintah utama tersebut dalam kalangan rakan seperjuangan pastoral, pemimpin gereja, dan jemaah.

- c. Sila terangkan konflik (Sila terangkan secara ringkas tentang peristiwa tersebut dan cara anda menangani peristiwa tersebut) dan juga halangan dalam hubungan sesama manusia yang anda hadapi pada tahun ini atau baru-baru ini. Kebiasaannya, siapakah yang akan anda cari untuk bercakap tentang masalah dan kesukaran anda?

- d. Bagaimanakah anda mengalami suasana saling kebertanggungjawaban? Adakah terdapat sesiapa di sekeliling anda yang boleh menunjukkan titik buta anda? Adakah terdapat sesiapa yang boleh menunjukkan mana-mana aspek yang perlu anda perbaiki?

#### **( IV ) Paderi dan Amanat Agung**

Tuhan Yesus Kristus telah mengisytiharkan Amanat Agung, iaitu ‘jadikan semua bangsamurid-Ku’ (AVB) / ‘jadikanlah mereka (semua bangsa di seluruh dunia) pengikut-Ku’ (BM)

(Matius 28:18-20). Paulus juga berkata kepada Timotius: “Segala yang telah kaudengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula.” (AVB) / “Ajaran yang engkau dengar ketika aku mengisytiharkannya di hadapan banyak saksi, hendaklah engkau percayakan kepada orang yang boleh dipercayai dan yang dapat mengajar orang lain.” (BM) (2 Timotius 2:2).

4.1 Siapakah yang sedang anda pupuk untuk dijadikan pengikut Tuhan Yesus yang setia?  
Bagaimanakan anda melakukannya?

4.2 Adakah anda sedang menggalakkan sesiapa untuk mengabdikan diri dan mengikutikursus teologi, supaya menjadi pengkhotbah / misionaris / pemimpin muzik / pelayan sepenuh masa yang lain?

4.3 Pada tahun ini, adakah anda telah mengatur untuk berkhotbah kepada kanak-kanak atauanda akan mengajar kanak-kanak di gereja anda? Sila kongsi pelayanan anda dalam kalangan kanak-kanak.




## **(V) Paderi Berlari Terus ke Arah Tujuan**

5.1 Senaraikan jawatan anda pada tahun ini. **Apakah aspek yang boleh dipelajari dan ditingkatkan sepertimana yang anda harapkan? / Apakah pembelajaran dan peningkatan yang anda harapkan?** (Siapakah yang akan anda cari untuk mendapatkan bantuan? Adakah anda mempunyai sebarang rancangan khusus?)



5.2 Sila senaraikan matlamat yang anda tetapkan pada tahun lepas dan pada tahun ini. Adakah matlamat-matlamat tersebut berhasil?



5.3 Apakah matlamat anda pada tahun depan? Apakah jenis bantuan yang anda perlukan daripada Jawatankuasa Perhubungan Penggembalaan dan pemimpin gereja, supaya anda dapat mencapai matlamat-matlamat tersebut?

**( VI ) Paderi dan Lembaga Penggembalaan**

Adakah anda ingin mengatakan apa-apa atau meluahkan isi hati anda kepada Lembaga Penggembalaan?

Tandatangan Pengisi Borang: \_\_\_\_\_

Tarikh Borang Diisi: \_\_\_\_\_

Rakan seperjalanan yang dikasihi,  
terima kasih kepada anda kerana mengisi borang penilaian ini dengan sepenuh hati, di  
hadapan Tuhan yang memanggil anda.

Semoga kita bersama-sama menjadi pengikut yang menyenangkan hati Allah, untuk  
Allah Bapa yang mengasihi kita, Allah Anak yang menyelamatkan kita, dan Roh Kudus  
yang memenuhi kita,

berjuanglah dalam perjuangan iman yang mulia ini dengan bersungguh-sungguh,  
melaksanakan penglihatan khas yang diberikan oleh Allah kepada Gereja Methodist:

Mengisytiharkan kesucian Alkitab, memulihkan negara kita.

‘Perkara yang paling indah ialah Allah bersama-sama dengan kita’ — John Wesley.

**Respons dan Susulan daripada Superintenden Daerah / Penilai Lain:**

Nama Penilai: \_\_\_\_\_ Jawatan Penilai: \_\_\_\_\_

Tarikh Penilaian: \_\_\_\_\_